

CNS2387

U GB 29-04-00194 DA920

bah

Mahathir - Bonus

KERAJAAN SEDIA TIMBANG PEMBERIAN BONUS JTKA ALASAN CUEPACS MUNASABAH

KUALA LUMPUR, 29 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan bersedia untuk menimbang semula pemberian bonus kepada anggota perkhidmatan awam sekiranya CUEPACS boleh membrikan alasan yang munasabah.

Katanya, walaupun kerajaan sudah membuat keputusan tidak akan membayar bonus kepada anggota perkhidmatan awam untuk tahun 1991 dan 1992, kerajaan masih bersedia mendengar rayuan dan alasan yang ingin dikemukakan CUEPACS.

"Sebenarnya kita sudah buat keputusan tetapi dalam apa juga perkara, kita tidak boleh tutup pendengaran begitu sahaja," katanya ketika ditanya pemberita selepas menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Dalam Negeri di Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Perdana Menteri diminta mengulas laporan akhbar semalam yang menyebut Setiausaha Agung CUEPACS, Bnck A. H Ponniah sebagai berkata bahawa CUEPACS ingin menemuinya untuk merayu supaya kerajaan membayar bonus kepada anggota perkhidmatan awam bagi tahun 1992.

Sambil menyatakan kesediaannya untuk menemui dan mendengar pandangan CUEPACS itu, Dr Mahathir berkata, CUEPACS juga mesti berfikiran terbuka dan menerima apa sahaja keputusan kerajaan sekiranya alasan yang diberikan kerajaan lebih baik daripada yang dikemukakan CUEPACS. -- Lagi.

▼29/04/18-22MST

CNS2459

U GB 29-04 00166 BA923

bah

Mahathir - Bonus 2 Kuala Lumpur

CUEPACS sebelum ini, menerima alasan kerajaan bahawa ia tidak mampu membayar bonus untuk tahun 1991. kerana sudah membelanjakan kira-kira RM2,300 juta ketika melaksanakan Sistem Saran Baru (SSB) yang berkuatkuasa 1 Jan 1991.

Bagaimanapun, Ponniah dilaporkan berkata bahawa CUEPACS tetap ingin meneruskan niatnya memohon kerajaan memberi bonus kepada anggota perkhidmatan awam untuk tahun 1992.

Ketika ditanya implikasi kewangan yang akan ditanggung kerajaan sekiranya memberi bonus kepada lebih 800,000 anggota perkhidmatan awam, Perdana Menteri berkata: "Saya tidak boleh beri angka yang tepat tetapi sudah tentu kalau kita hendak bayar bonus, kita terpaksa keluar belanja yang banyak."

Katanya, walaupun kerajaan mungkin memperolehi pendapatan berlebihan, ia tidak boleh digunakan untuk membayar bonus hanya semata-mata kerana kerajaan sudah berjanji kepada anggota perkhidmatan awam.

"Kita juga kena keluar belanja yang banyak untuk menampung perbelanjaan pembangunan yang meningkat dengan begitu pesat. Jadi ini pun (belanja pembangunan) kita kena beri pertimbangan," katanya. - - Lagi.

▼29/04/19-07MST

U GB 29-04 00195 BA925

bah

Mahathir - Bonus 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Ketika ditanya mengenai prestasi anggota perkhidmatan awam sejak SSB dilaksanakan dua tahun lepas, Dr Mahathir berkata, agak terlalu awal untuk membuat penilaian terhadap keberkesanan sistem itu.

Bagaimanapun, katanya, kesedaran anggota perkhidmatan awam untuk bekerja dengan lebih baik, sudahpun meningkat lebih-lebih lagi dalam usaha mendapatkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang sekali gus membolehkan mereka mendapat kenaikan gaji secara melintang.

Terdahulu, dalam ucapannya Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, hadiah paling besar yang diperolehi rakyat Malaysia, termasuk anggota perkhidmatan awam, selepas berusaha begitu gigih ialah apabila Malaysia kini bertambah maju dan dihormati.

"Kita berhak untuk berbangga dan berpuas hati dengan pencapaian kita sekarang tetapi janganlah sampai menjadi angkuh dan sombong," katanya.

Sehubungan dengan itu, beliau menasihati anggota perkhidmatan awam supaya jangan leka tetapi berusaha meningkatkan lagi etika kerja supaya Malaysia boleh lebih maju dan pentadbiran awamnya terus menjadi contoh kepada negara lain.

Pada majlis itu, Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada 40 orang pegawai dan kakitangan kementerian itu dan seorang dari Jabatan Pendaftaran Pertubuhan.

-- Bernama.

AHNM.